

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	07 JUNE 2017

Dekoder percuma penerima BR1M

UM- 7/6/2017 pg.3

Oleh SAFINA RAMLI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 JUN

SEBANYAK 4.2 juta dekode percuma diperuntukkan untuk isi rumah dalam senarai penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi membolehkan golongan itu menikmati siaran digital, MyFreeview percuma tanpa yuran bulanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah tersebut adalah satu lagi usaha kerajaan untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat.

“Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan sebanyak 2.2 juta set dekode percuma lagi sebagai tambahan kepada dua juta set dekode percuma yang diperuntukkan oleh pihak syarikat MYTV, menjadikan keseluruhannya 4.2 juta dekode percuma untuk isi rumah dalam senarai BR1M.

“Pemberian dekode percuma ini akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga suku kedua 2018,” katanya ketika merasmikan siaran digital MyFreeview di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

MyFreeview merupakan projek yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan dipantau oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menyediakan perkhidmatan penyiaran televisyen digital dan radio terbaik secara percuma.

Menurut Perdana Menteri, pemberian dekode percuma kepada isi rumah yang layak daripada senarai penerima BR1M akan mempercepatkan proses migrasi



NAJIB TUN RAZAK tertarik melihat dekode MyFreeview selepas melancarkan siaran digital MyFreeview di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Salleh Said Keruak (dua dari kanan) dan Liow Tiong Lai (kanan). - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

daripada analog ke digital.

“Berbanding negara-negara maju serta tetangga dalam ASEAN, Malaysia merupakan salah satu negara yang mengambil pendekatan menyediakan dekode percuma untuk rakyat terutamanya bagi mereka yang memerlukan bantuan,” katanya.

Tambah beliau, Malaysia telah menasark tarikh penutupan penyiaran televisyen analog

pada Jun 2018.

Najib memberitahu, transformasi penyiaran televisyen *terrestrial digital* tersebut merupakan perkembangan dan fenomena sedunia di mana lebih daripada 60 negara maju telah melaksanakan migrasi penyiaran televisyen analog ke digital serta menutup penyiaran televisyen analog sejak 2007.

“Negara-negara ASEAN ter-

masuk Malaysia telah menetapkan penutupan penyiaran televisyen analog secara berperingkat di antara 2015 sehingga 2020.

“Negara jiran kita, Singapura telah menetapkan penutupan penyiaran analog pada 2017 dan Malaysia telah menasark tarikh penutupan penyiaran televisyen analog pada Jun 2018,” katanya.



Pemberian dekode percuma ini akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga suku kedua 2018.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri